



Good food, Good life

## Siaran Berita

Shah Alam, Mac 4, 2021

### **Nestlé Berganding Bahu Dengan Negeri Selangor Untuk Menyediakan Stesen Transit Kuarantin COVID-19 Bagi Komuniti**

*Kerjasama dengan KKM bagi menyokong 'kontak rapat' pesakit*

Sebagai sebahagian daripada usaha menangani COVID-19, Nestlé Malaysia hari ini berganding bahu dengan Kerajaan Negeri Selangor dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melancarkan Stesen Transit Kuarantin Nestlé (QTS) di Hotel Pegasus, Shah Alam. Kemudahan ini ditubuhkan menerusi kerjasama rapat dengan KKM untuk menyokong 'kontak rapat' pesakit yang memerlukan kuarantin sendiri. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari.

Stesen QTS Nestlé, yang bakal memulakan operasinya tidak lama lagi telah ditubuhkan untuk mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan pesakit COVID-19, juga dikenali sebagai Orang Di Bawah Pengawasan (PUS). QTS Nestlé yang dibuka kepada kakitangan Nestlé serta keluarga mereka, dan juga kumpulan B40 serta golongan berpendapatan rendah di Selangor, menyediakan persekitaran yang sewajarnya untuk mereka yang tidak berupaya atau tidak mempunyai kemudahan yang sesuai untuk menjalani kuarantin di rumah. Ini merangkumi bilik dan kemudahan hotel secara percuma, hidangan makanan berkhasiat tiga kali sehari yang direka khas oleh Chef MAGGI, dengan mengikut protokol keselamatan seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Kos Stesen Transit Kuarantin Nestlé ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Nestlé.

YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Menteri Besar Selangor, berkata, "Perjuangan negara kita untuk menangani gelombang keempat COVID-19 telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan, dengan penurunan bilangan kes harian. Namun, Selangor adalah antara negeri yang paling terjejas disebabkan kepadatan penduduknya. Sungguhpun PKP 2.0 yang berkuat kuasa sekarang agak berkesan, kemudahan kesihatan kami kini beroperasi hampir pada kapasiti penuh untuk menempatkan pesakit. Oleh yang demikian dan sejajar dengan usaha Kerajaan untuk membuka lebih banyak pusat transit kuarantin COVID-19, kami mengalu-alukan kerjasama swasta dan awam untuk memastikan kami dapat terus melindungi kesihatan dan kesejahteraan rakyat."

YBhg Datuk Dr. Chong Chee Kheong, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia berkata, "Sokongan yang diberikan oleh Nestlé kepada masyarakat di Selangor dengan penubuhan pusat kuarantin ini adalah merupakan satu usaha yang patut dipuji. Kami berharap menerusi kerjasama rapat daripada pelbagai pihak berkepentingan, dan dengan memanfaatkan sumber,

pengetahuan dan kepakaran satu sama lain, kita dapat bersama-sama memutuskan rantaian jangkitan. Kami yakin inisiatif seperti ini, serta pelaksanaan program pemvaksinan COVID-19 Kerajaan, kita akan dapat menuju ke arah pemulihan.”

Encik Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Setelah menunaikan janji kami untuk menyalurkan RM15 juta kepada usaha membantu menangani pandemik, Stesen Transit Kuarantin Nestlé menandakan langkah seterusnya dalam komitmen utuh kami untuk membantu rakyat Malaysia di kala waktu getir yang ditempuhi oleh negara kita berikutan pandemik. Pusat kuarantin kami membolehkan PUS, yang mungkin menghadapi kekangan untuk melaksanakan kuarantin sendiri di rumah secara berkesan, untuk mengasingkan diri dengan selesa dan paling penting dengan cara lebih selamat. Kemudahan ini akan bermanfaat terutamanya bagi golongan terdedah, termasuk keluarga B40 dan kumpulan berpendapatan rendah. Sebagai syarikat yang sudah sekian lama bertapak di Selangor, yang menjadi kediaman sebahagian besar tenaga kerja kami di tiga kilang di Shah Alam, inisiatif ini membolehkan kami membantu mereka yang memerlukan dalam kalangan masyarakat tempatan.”

Dengan keupayaan yang terbukti untuk mengendalikan kes kuarantin dan pematuhan ketat kepada Prosedur Operasi Standard (SOP), Hotel Pegasus telah dipilih sebagai pusat kuarantin oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) pada 2020. Menerusi inisiatif ini, 100 bilik hotel ditempah khas sebagai bilik kuarantin oleh Nestlé, merangkumi pelbagai pilihan jenis bilik bagi menempatkan individu mahupun keluarga.

Mereka yang diletakkan di bawah kuarantin dikehendaki mematuhi SOP ketat untuk melindungi pekerja hotel dan tetamu hotel yang lain, dengan aliran proses yang ditetapkan oleh hotel dan disahkan oleh pihak berkuasa kesihatan. Ini termasuk penggunaan pintu masuk dan lif kuarantin khas, serta dapur berasingan yang menyediakan tiga sajian makanan sihat sehari yang disediakan oleh Nestlé. Sebaik sahaja mendaftar masuk, PUS akan menerima Kit Penjagaan ‘Nestlé Cares’, mengandungi pelbagai produk Nestlé, yang diperlukan sepanjang tempoh penginapan. Mereka yang diletakkan di bawah kuarantin akan juga akan dipantau oleh pihak berkuasa, termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pejabat Kerajaan Daerah Petaling dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

### **Tentang Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan “GOOD FOOD, GOOD LIFE” kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6650

Mobile: +6012 353 1337

E-mail: [Maxine.Lim@my.nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.nestle.com)

**Alya Nurina atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6010 -221 8216 (Alya) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mail: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)